

14 OCT 2002

MAHATHIR-PELABURAN/I

PELABURAN DOMESTIK MASIH TEGUH, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata di sini, hari ini bahawa beliau percaya pelaburan domestik masih terjamin dan akan terus teguh walaupun berlaku letupan bom di pulau peranginan Bali yang menggemparkan seluruh rantau ini.

"Bagaimanapun, kita tidak menerima banyak pelaburan langsung asing, tetapi, dari segi pelaburan domestik, orang di sini merasa selamat dan saya rasa mereka akan terus melabur," katanya.

Namun begitu, kata Dr Mahathir, iklim pelaburan akan terjejas sedikit disebabkan oleh soal keselamatan.

"Ia (pelaburan) akan terjejas kerana orang merasa semakin tidak selamat, kita boleh mengambil pelbagai langkah keselamatan, tetapi orang akan tetap merasa tidak selamat kerana tiada satupun langkah keselamatan yang boleh memberi jaminan sepenuhnya," katanya semasa menjawab soalan mengenai sama ada peristiwa demikian akan menjejaskan iklim pelaburan, khususnya di Malaysia.

Dr Mahathir ditemui selepas perasmian Konvensyen Barisan Nasional bagi Wilayah Persekutuan yang berlangsung di sini, hari ini.

Ditanya mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia untuk mempertingkatkan keselamatan, Dr Mahathir berkata, kerajaan telah lama mengambil langkah-langkah keselamatan, termasuk penahanan di bawah undang-undang pencegahan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), walaupun ia dikatakan tidak demokratik.

Sambil menyifatkan peristiwa di Bali itu sebagai sesuatu yang amat malang, Dr Mahathir berkata, ia menunjukkan bahawa sekarang wujud perasaan benci, marah dan kecewa yang lebih mendalam di kalangan ramai berbanding apa yang dirasakan semasa peristiwa di New York 11 September tahun lalu.

Ini, pada asasnya adalah disebabkan oleh ketiadaan usaha untuk mencari punca kepada kemarahan ini, tetapi sebaliknya lebih banyak perkara yang menambah lagi kemarahan ramai orang, dilakukan.

"Perasaan marah sedang meluap-luap di dunia ini hari ini. Rakyat Amerika sangat marah kerana negara mereka, buat kali pertamanya, telah diserang dan ini mengaibkan mereka. Jadi mereka bertindak sebagaimana yang dilakukan oleh orang yang sangat marah, dan ini hanya menaikkan kemarahan orang lain pula.

"Jadi dunia hari ini dipenuhi perasaan marah. Tidak ada sesiapa yang bertindak dengan berasaskan kepada alasan yang wajar dan logik," katanya.

-- BERNAMA

WNZ KTC KY OS